

24/12/1997

Ku Li bincang keahlian ahli S46 dalam Umno

GUA MUSANG, Selasa - Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah, akan mendapatkan penjelasan daripada bekas ahli parti itu yang belum diterima secara rasmi menjadi ahli Umno.

Menurutnya, beliau perlu mendapatkan bukti secukupnya mengenai alasan penolakannya, sebelum dirujuk kepada pucuk pimpinan Umno untuk diambil tindakan.

Beliau mendakwa keengganan sesetengah pemimpin untuk menyelesaikan permohonan bekas ahli S46 kerana bimbang kedudukan mereka tergugat.

Razaleigh meminta bekas ahli S46 yang belum diterima menjadi ahli Umno supaya mengemukakan penjelasannya bersama surat sumpah untuk dirujuk kepada pucuk pimpinan Umno.

Ketika berucap merasmikan Seminar Pembangunan Parlimen Gua Musang di Balai Rakyat Bukit Cekati di sini, semalam, beliau berkata, penyelesaian mengenai perkara itu perlu disegerakan demi memantapkan perjuangan Umno di semua peringkat.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Kuala Lumpur, kelmarin, untuk mengambil tindakan disiplin terhadap pemimpin yang menolak orang Melayu menjadi ahli Umno.

"Amaran Presiden Umno itu serius dan tidak patut pemimpin berbuat demikian kerana Umno adalah hak semua orang Melayu di negara ini," katanya.

Razaleigh yang juga Ahli Parlimen Gua Musang berkata, keputusan MT adalah hasil perjumpaan beliau dengan Perdana Menteri kerana ada di antara bekas ahli S46 masih belum diterima menjadi ahli Umno.

"Saya sebenarnya tidak mahu campur hal ini kerana saya tidak lagi menjadi ketua kepada bekas ahli S46.

"Bagaimanapun, memandangkan ada di antara pemimpin kita tidak mahu kedudukan mereka tergugat sudah membuat pelbagai cara menahan, menolak orang yang hendak membayar yuran untuk menjadi ahli Umno, saya terpaksa membawa perkara itu kepada Perdana Menteri," katanya.

(END)